

International Standard for Phytosanitary Measures (ISPM) No. 15

1. Pengenalan

ISPM 15 adalah standard antarabangsa bagi mengawal selia rawatan bagi bahan pembungkus kayu (*wood packing material, WPM*) untuk memastikan WPM yang dirawat bebas dari perosak dan memudahkan urusan perdagangan.

Bahan pembungkus yang diperbuat daripada kayu yang tidak dirawat boleh menjadi penyebab kepada kemasukan dan penyebaran perosak tumbuhan. Oleh itu, semua bahan pembungkus kayu perlu dirawat mengikut standard ISPM 15 bagi mengurangkan risiko penyebaran perosak yang berkaitan dengan bahan pembungkus kayu.



Asian Long Horn Beetle



The Pine Wood Nematode

Gambar 1: Contoh perosak kuarantin pada kayu

2. Bahan Pembungkus Kayu (WPM)

Bahan Pembungkusan Kayu (WPM) ialah sebarang pembungkusan kayu keras atau kayu lembut yang solid digunakan untuk menyokong, melindungi atau membawa komoditi. WPM termasuk, tetapi tidak terhad kepada, palet, *dunnage*, peti, blok pembungkusan, dram, bekas dan penyedal yang diperbuat daripada kayu. Bahan pembungkus kayu adalah tertakluk di bawah keperluan ISPM 15.



Gambar 2 : Contoh bahan pembungkus kayu

3. Pengecualian ISPM 15

Terdapat beberapa pengecualian untuk keperluan ISPM 15, iaitu seperti kayu dengan ketebalan 6mm atau kurang, kayu yang diproses seperti papan partikel atau papan lapis. Bahan-bahan ini adalah berisiko rendah dalam kemerebakan perosak.



Presswood Pallet



Plastic Pallets



<6 mm Wood Packaging



Processed Wood Packaging
(veneer, plywood)



Barrels

(Barrels for wine and spirit that have been heated during manufacture)

Composite wooden palletblocks



Corrugated pallets

Sawdust



Gift Boxes

(Wood components permanently attached to freight vehicles and containers)

Figure 3: Example of ISPM 15 exempted packaging material

4. ISPM 15 MARKING

ISPM 15 marking perlu dicop pada WPM yang telah dirawat bagi tujuan penandaan dan *traceability*. *ISPM 15 marking* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa mesti mengandungi maklumat berikut :

- Simbol pensijilan IPPC
- XX: mewakili dua huruf kod negara (MY untuk Malaysia).
- 000: mewakili nombor akreditasi MAFAS yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian
- YY: ialah singkatan rawatan salah satu seperti berikut:
 - i. HT: ialah kod untuk rawatan haba minimum 56° C selama sekurang-kurangnya 30 minit
 - ii. MB: ialah kod untuk pewasapan metil bromida
 - iii. DH: ialah kod untuk rawatan haba menggunakan haba dielektrik

Maklumat lain juga boleh disertakan di luar ISPM 15 *marking*. Di Malaysia, nombor kawalan rawatan pewasapan akan diberi kepada peserta MAFAS dan diletakkan diluar kotak ISPM 15 *marking* sebagai langkah kawalan dan *traceability*. Sila rujuk Pelaksanaan Nombor Kawalan Skim MAFAS untuk keterangan lanjut.

ISPM 15 *marking* mestilah boleh dibaca, tahan lama dan tidak boleh dipindahkan, ditandakan di lokasi yang boleh dilihat apabila WPM sedang digunakan, sekurang-kurangnya pada dua sisi bertentangan. ISPM 15 *marking* tidak boleh dilukis dengan tangan.


ISPM 15 *marking* boleh dalam sebarang warna namun penggunaan merah atau oren harus dielakkan kerana warna ini digunakan dalam pelabelan barangan berbahaya.

Semua pembungkusan kayu yang mempunyai ISPM 15 *marking* yang berasal dari Malaysia atau negara lain boleh dieksport semula, dengan syarat tiada perubahan dibuat pada pembungkusan kayu dan tiada tanda infestasi berlaku pada WPM tersebut.


Example 1




Example 2




Example 3 (This represents a prospective example of a mark with the border with rounded corners.)




Example 4 (This represents a prospective example of a mark applied by stencilling; small gaps may be present in the border, and the vertical line, and elsewhere among the components of the mark.)



Example 5



Example 6



Gambar 4 : Contoh ISPM 15 Marking

Rujukan:

https://ispm15.com/wp-content/uploads/2018/08/ispm15_international-standards-for-phytosanitary-measures_adopted-2013_published_2017.pdf

HUBUNGI KAMI

Urus Setia
Skim Akreditasi Pemasaran Malaysia (MAFAS)
Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian
Tingkat 1-3, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur

No. Tel : 03-2030 1400 Faks : 03-2691 3530
e-mel : myskim@doa.gov.my